



YB. SOON LIP CHEE

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO) Negeri Pulau Pinang
Belia Dan Sukan

PEMBUKAAN SEMULA SEKTOR SUKAN DAN REKREASI BERSENTUHAN FIZIKAL, SERTA PENGANJURAN KEJOHONAN DAN PERTANDINGAN SUKAN TIADA BERSENTUHAN FIZIKAL TEMPATAN TANPA PENONTON DALAM FASA 3 MULAI 15 JULAI 2020 DI NEGERI PULAU PINANG

Berdasarkan pemakluman rasmi yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Belia dan Sukan Malaysia pada 10 Julai 2020 mengenai pembukaan sektor sukan dan rekreasi fasa 3 dan 4 dengan pematuhan kepada Standard Operasi Prosedur (SOP) yang ditetapkan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memutuskan bahawa aktiviti sukan dan rekreasi bersentuhan fizikal serta penganjuran kejohanan dan pertandingan sukan tiada bersentuhan fizikal tempatan tanpa penonton yang dibenarkan pembukaan semula mulai 15 Julai 2020 adalah selaras dengan pengumuman Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

Garis Panduan Sektor Sukan dan Rekreasi Bersentuhan Fizikal (*contact sports activity*) di Negeri Pulau Pinang Berkuatkuasa Mulai 15 Julai 2020

1. Dengan pembukaan sektor sukan dan rekreasi fasa 3, kerajaan bersetuju untuk membenarkan aktiviti sukan dan rekreasi bersentuhan fizikal seperti sukan berpasukan contoh: bola sepak, ragbi, hoki, sepak takraw, bola keranjang, skuasy dan sukan tempur: karate, silat, taekwondo dan lain-lain boleh dimainkan bermula 15 Julai 2020.
2. Sementara itu, pengusaha-pengusaha padang komersil, operator gelanggang futsal, fasiliti sukan dan akademi turut dibenarkan beroperasi semula 15 Julai 2020.
3. Masa pengoperasian untuk semua aktiviti sukan dan pengusaha sukan di negeri Pulau Pinang tidak lagi dihadkan dan boleh kembali seperti biasa dengan pematuhan SOP yang ditetapkan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).
4. Pengusaha perlu mempamerkan QR code PG Care dan Mysejahtera untuk diimbas oleh pengguna sebelum memasuki premis.
5. Pengusaha perlu mendaftar dan mengisikan borang makluman di notification.miti.gov.my
6. Pengusaha perlu mematuhi SOP Protokol Am Pengurusan yang ditetapkan oleh KBS dan MKN.

7. Pengguna fasiliti digalakkan untuk membuat tempahan / pengesahan slot atas talian / telefon sebelum hadir ke premis / venue untuk menjalankan aktiviti sukan.
8. Tatacara atau peraturan berkaitan pencegahan penularan COVID-19 disediakan selari dengan SOP yang dipersetujui oleh MKN.
9. Individu yang tidak berkenaan dilarang memasuki ke dalam premis / venue.
10. Semua pengguna perlu menjalani saringan suhu badan dan gejala sakit sebelum memasuki premis / venue.
11. Pengusaha perlu mengawal kapasiti bilangan individu berada dalam venue pada setiap sesi mengikut keluasan premis / venue masing-masing.
12. Pengusaha perlu memastikan kakitangan bertugas memakai pelitup muka.
13. Pengusaha perlu memastikan penggunaan bilik mandi / persalinan dihadkan bilangan pengguna yang minima serta dibersihkan secara kerap.
14. Pengusaha perlu memastikan kaedah penyampaian maklumat adalah secara lisan tanpa melibatkan sentuhan fizikal (anggota badan) kepada pengguna premis / venue.
15. Pengusaha perlu memastikan peralatan yang digunakan dibersihkan dan dinyahkuman sebelum dan selepas sesi penggunaan.
16. Pengusaha perlu menandakan tanda panduan yang jelas di dalam premis untuk panduan pengguna.
17. Pengusaha perlu menyediakan cecair sabun yang mencukupi dalam bilik tandas untuk kegunaan individu.
18. Pengusaha perlu menandakan kawasan larangan supaya pengguna boleh mengetahui tempat yang boleh diguna semasa aktiviti sukan dijalankan.
19. Pengusaha perlu memastikan bahawa pengoperasian premis / venue adalah secara berjadual dengan bilangan kakitangan yang terkawal.
20. Kemudahan tambahan seperti sauna, jacuzzi dan lain-lain adalah TIDAK DIBENARKAN.
21. Pembersihan dan nyahkuman premis /venue perlu dilakukan mengikut kekerapan penggunaan.
22. Pengusaha perlu memastikan tatacara pengendalian kes kecemasan disediakan.
23. Pengguna perlu memakai pelitup muka sebelum dan selepas aktiviti.
24. Pengguna perlu mengamalkan langkah-langkah kebersihan sebelum, semasa dan selepas menjalankan aktiviti.

25. Pengguna yang menjalankan aktiviti sukan dan rekreasi digalakkan untuk mematuhi penjarakan sosial dengan pengurangan sentuhan badan serta mengutamakan keselamatan diri sendiri pada setiap masa aktiviti sukan dijalankan.

26. DILARANG meludah, sembarangan / merata-rata.

27. Pengguna perlu mematuhi prosedur dan arahan yang ditetapkan sepanjang masa.

28. DILARANG berkongsi air minuman, makanan, pakaian, tuala muka dan peralatan peribadi.

29. Pengguna perlu memastikan pengurangan interaksi sosial sebelum, semasa dan selepas aktiviti sukan / rekreasi dilakukan.

30. Pengguna premis tidak digalakkan untuk bersalaman / bersentuhan tangan dan fizikal dengan sengaja bagi mengurangkan interaksi sosial.

31. Pengguna perlu meninggalkan premis / tempat latihan secepat mungkin selepas aktiviti sukan / rekreasi dijalankan.

32. Kanak-kanak bawah 12 tahun, golongan OKU dan warga emas berumur 60 tahun ke atas tidak digalakkan untuk memasuki premis. Sekiranya ada, perlukan pengawasan rapi daripada ibu bapa atau penjaga.

33. Garis panduan / SOP akan diubahsuai dari semasa ke semasa tertakluk kepada pengumuman dan keputusan yang dibuat oleh MKN dan KBS.

Aktiviti Line Dance, Zumba, TaiChi, QiGong, XiangGong secara Indoor dan Outdoor

1. Masa operasi aktiviti Line Dance, Zumba, QiGong, XiangGong secara indoor dan outdoor tidak lagi dihadkan dari 7 pagi hingga 10 malam seperti diumumkan pada 14 Jun 2020, dan dibenarkan untuk kembali beroperasi seperti biasa mulai 15 Julai 2020.
2. Instruktur perlu mempamerkan QR code PG Care and Mysejahtera untuk diimbas atau log book untuk berdaftar bagi semua peserta aktiviti apabila berada di tempat aktiviti.
3. Semua peserta perlu menjalankan saringan suhu badan sebelum memasuki tempat aktiviti.
4. Walaubagaimanapun, peserta perlu mematuhi penjarakan sosial dengan pengurangan sentuhan badan serta mengutamakan keselamatan diri sendiri pada setiap masa aktiviti sukan dijalankan;
5. Pihak berkuasa berhak meminta orang awam untuk mengosongkan tapak atau menutup sesuatu kawasan jika perlu atau apabila pelanggaran SOP berlaku serta sekiranya bilangan peserta adalah diluar kawalan.
6. Kanak-kanak bawah 12 tahun, golongan OKU dan warga emas berumur 60 tahun ke atas tidak digalakkan untuk menyertai aktiviti tersebut. Sekiranya ada, perlukan pengawasan rapi daripada ibu bapa atau penjaga.

Aktiviti Sukan dan Rekreasi: Badminton Beregu

1. Aktiviti sukan dan rekreasi badminton beregu (bukan pertandingan) dibenarkan dimainkan mulai 15 Julai 2020 dengan pematuhan SOP yang ditetapkan oleh pihak MKN dan KBS.
2. Penganjuran pertandingan acara badminton beregu adalah tidak dibenarkan dan ia hanya akan dibenarkan penganjurannya di tempatan sahaja mulai 15 Ogos 2020 tanpa penglibatan penonton.
3. Pengusaha perlu mempamerkan QR code PG Care and Mysejahtera untuk diimbas oleh semua pengguna sebelum masuk premis.
4. Pengusaha perlu mendaftar dan mengisi borang makluman di notification.miti.gov.my
5. Pengusaha perlu mematuhi SOP Protokol Am Pengurusan yang ditetapkan oleh Kementerian Belia dan Sukan dan Majlis Keselamatan Negara.
6. Individu yang tidak berkecuali dilarang memasuki premis.
7. Semua pengguna perlu menjalankan saringan suhu badan semasa memasuki premis.
8. Pengusaha mesti sentiasa mengawal kapasiti bilangan individu berada dalam premis atau tempat latihan berdasarkan keluasan tempat.
9. Pengusaha perlu mensanitasi semua alat yang digunakan sebelum dan selepas setiap sesi penggunaan.
10. Pengusaha perlu menandakan tanda panduan yang jelas di dalam premis untuk panduan pengguna.
11. Pematuhan amalan penjarakan sosial adalah digalakkan.
12. Pengusaha perlu menyediakan cecair sabun yang mencukupi dalam bilik tandas untuk kegunaan individu.
13. Pengusaha perlu menandakan kawasan larangan supaya pengguna boleh mengetahui tempat yang boleh diguna semasa aktiviti sukan dijalankan.
14. Kanak-kanak bawah 12 tahun, golongan OKU dan warga emas berumur 60 tahun ke atas tidak digalakkan untuk memasuki premis. Sekiranya ada, perlukan pengawasan rapi daripada ibu bapa atau penjaga.

Garis Panduan Penganjuran Kejohanan / Pertandingan Sukan Tiada Bersentuhan Fizikal (*non-contact sports*) di Negeri Pulau Pinang Mulai 15 Julai 2020

1. Kerajaan bersetuju membenarkan penganjuran kejohanan dan pertandingan tempatan untuk sukan yang tidak membabitkan sentuhan fizikal seperti sukan permotoran dan sukan individu tanpa kehadiran penyokong mulai 15 Julai 2020.
2. Ini termasuklah Kejohanan Badminton Perseorangan, Kejohanan Catur dan lain-lain.
3. Penganjuran kejohanan dan pertandingan hanya terhad kepada acara / kejohanan tempatan sahaja tanpa penonton dan tidak melibatkan 'mass gathering' peserta.
4. Penganjuran acara antarabangsa yang melibatkan peserta dari luar negara adalah tidak dibenarkan lagi buat masa ini.
5. Penganjuran sukan kejohanan perlu diadakan dalam keadaan yang terkawal (controlled environment) oleh operator premis dan penganjur acara dengan pematuhan kepada SOP Am Pengurusan, SOP AM Pra-Penganjuran dan SOP Am Penganjuran.
6. Pastikan penyediaan alat saringan suhu badan dan pencuci tangan (hand sanitizer) disediakan di setiap pintu masuk premis /venue.
7. Pastikan setiap individu mendaftar menggunakan Imbasan QR (QR Code) aplikasi PG Care dan Mysejahtera yang dipaparkan di premis /venue melalui telefon bimbit masing-masing.
8. Pastikan penganjuran kejohanan / pertandingan bagi aktiviti sukan / rekreasi yang bersentuhan fizikal (anggota badan) TIDAK dilakukan / dianjurkan.
9. Pengamalan penjarakan sosial adalah digalakkan dan keselamatan serta kebersihan diri sendiri perlu sentiasa diutamakan.
10. Pengusaha perlu memastikan penyediaan hand sanitizer di tempat-tempat yang kerap digunakan seperti tempat duduk, surau, bas pasukan, bangku simpanan pemain dan sebagainya.
11. Pastikan garis panduan, penandaan dan pandu arah yang jelas disediakan sebagai panduan untuk setiap individu / pengguna premis /venue.
12. Pastikan jadual pertandingan dengan bilangan acara yang terhad bagi memastikan bilangan pengguna yang minima.
13. Pastikan penggunaan kemudahan tambahan seperti sauna, jacuzzi dan lain-lain adalah DILARANG.
14. Pastikan tatacara pengendalian kes kecemasan disediakan.

15.Pastikan pemeriksaan suhu badan dan saringan gejala (batuk, selsema, sakit tekak & susah bernafas) dilakukan di setiap pintu masuk venue /premis. Individu yang mempunyai suhu melebihi 37.5° Celcius dan /atau bergejala (batuk,selsema, sakit tekak & susah bernafas) DILARANG memasuki premis /venue.

16.Digalakkan menggunakan peralatan makanan biodegradable pakai-buang bagi penyediaan makanan di premis /venue kejohanan / pertandingan dianjurkan.

17.Pastikan proses pembersihan dan disinfeksi permukaan dan peralatan yang kerap disentuh /digunakan dilakukan sekurang-kurangnya 3 kali sehari.

18.Pastikan tangan dibersihkan dengan pencuci tangan / hand sanitizer yang disediakan sebelum dan sepanjang berada di venue/premis secara kerap.

19.Pastikan setiap individu mendaftar menggunakan Imbasan QR (QR Code) aplikasi PG Care dan Mysejahtera yang dipaparkan di premis /venue melalui telefon bimbit masing-masing.

20.Pastikan pemakaian pelitup muka oleh setiap petugas sepanjang masa. Manakala bagi atlet pula, pastikan pemakaian pelitup muka adalah sebelum dan selepas pertandingan dijalankan.

21.Pastikan kaedah penyampaian maklumat / arahan adalah dilakukan secara lisan tanpa melibatkan sentuhan fizikal (anggota badan).

22.Pastikan ada kawalan bilangan minima peserta dan petugas bagi setiap sesi mengikut keluasan premis /venue.

23.QR code PG Care dan Mysejahtera untuk diimbas oleh pengguna.

24.Kanak-kanak bawah 12 tahun, golongan OKU dan warga emas berumur 60 tahun ke atas tidak digalakkan untuk memasuki premis. Sekiranya ada, perlukan pengawasan rapi daripada ibu bapa atau penjaga.

25.Pengusaha perlu menandakan kawasan larangan supaya pengguna boleh mengetahui tempat yang boleh diguna.